



KPM.600-12/1/4 Jld 19 (69)
23 Mac 2021

GOH SWEE HONG

Pengurus
Big Tree Accademy Malaysia Sdn. Bhd.
53B, Jalan Bayu Tinggi 7
Taman Bayu Tinggi
41200 Klang
SELANGOR

Puan,

PERMOHONAN KEBENARAN PENGLIBATAN MURID BAGI PERTANDINGAN MATEMATIK MiMAS DAN SHENMO CUP INTERNATIONAL COMPETITION TAHUN 2021

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pihak puan, bertarikh 22 Mac 2021 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program Pertandingan Matematik MiMAS dan *SHENMO Cup International Competition* Tahun 2021 daripada pihak puan. Pihak KPM mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan sukan / kokurikulum di negara ini.

3. Walau bagaimanapun, berikutan kesan penularan jangkitan *Novel Coronavirus* (COVID-19) yang melanda seluruh dunia, penjarakan fizikal merupakan salah satu prosedur yang perlu dipatuhi dalam normal baharu. Ini menyebabkan banyak program khususnya aktiviti sukan dan kokurikulum tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan.

4. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak puan serta **tiada halangan** bagi murid menyertai Pertandingan Matematik MiMAS dan *SHENMO Cup International Competition* Tahun 2021 **secara dalam talian** yang akan diadakan pada 19 hingga 22 April 2021 untuk Pertandingan Matematik MiMAS, dan pada 11 hingga 12 Jun 2021 untuk pertandingan *SHENMO Cup International Competition* sahaja selaras Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil.7/1988, Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010 serta mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

- 4.1 Pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah yang berkenaan;

...2/-

- 4.2 Semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 4.3 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga;
- 4.4 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 4.5 Surat kebenaran/kelulusan ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 4.6 Penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/program/aktiviti sekolah;
- 4.7 Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 4.8 Sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 4.9 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah serta sekolah yang terlibat;
- 4.10 Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat, KPM sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh penggunaan logo**. Sebagai peringatan, logo ini hanya boleh dipamerkan pada sijil dan *banner* sahaja dan tidak dibenarkan untuk tujuan mendapatkan tajaan atau lain-lain yang bertujuan komersial; (berdasarkan permohonan)
- 4.11 Pihak penganjur dimohon mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A)** kepada **Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM** dalam tempoh **30 hari selepas tamat program** bagi tujuan pengiktirafan program dan pemarkahan kokurikulum. Tarikh akhir kunci masuk markah ke dalam sistem Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) ialah pada **31 Disember 2021**; dan
- 4.12 KPM berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

5. Surat kebenaran ini hanya untuk **Big Tree Accademy Malaysia Sdn. Bhd.** yang akan menganjurkan **Pertandingan Matematik MiMAS dan SHENMO Cup International Competition** Tahun 2021 secara dalam talian pada 19 hingga 22 April 2021 untuk **Pertandingan Matematik MiMAS**, dan pada 11 hingga 12 Jun 2021 untuk pertandingan **SHENMO Cup International Competition** sahaja. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM.


6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak puan boleh menghubungi **En. Muhammad Sanjay Bin Paramarie** di talian **03-8884 1017** atau e-mel **muhammad.sanjay@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT - DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ. RAZUKI BIN A. RAHM)
b.p Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

Na/na

- sk: 1. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
2. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)
(u.p.: Ketua Penolong Pengarah Sektor Pembangunan Murid JPN)